

20/08/1998

Hubungan Malaysia, Mesir ditingkat

KUALA TERENGGANU, Rabu - Imam Besar Sheikh Al-Azhar, Dr Mohamed Sayed Tantawi mahu hubungan antara Malaysia dan Mesir dipertingkatkan supaya nilai murni dapat dihayati umat Islam.

Beliau berkata, keikhlasan perhubungan antara kedua-dua negara yang sekian lama terjalin penting demi kemajuan umat Islam masa kini dan akan datang.

Katanya, semua umat Islam perlu menguasai pelbagai bidang ilmu untuk membolehkan mereka berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan pihak lain.

"Kegemilangan yang dicapai umat Islam zaman silam kerana memiliki pelbagai kemahiran perlu dijadikan panduan umat Islam masa kini," katanya pada majlis syarahan ilmu di Dewan Besar Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kusza), Gong Badak, dekat sini hari ini.

Sheikh Al-Azhar mengadakan lawatan ke negara ini atas jemputan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meninjau kemajuan umat Islam.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Pengerusi Pembangunan Hal Ehwal Agama Islam negeri, Datuk Dr Yusof Noor dan Pengarah Kusza, Ismail Abdul Halim, hadir sama di majlis itu.

Menurut Sheikh Al-Azhar, berdasarkan tinjauannya, perkembangan dan kemajuan yang dicapai umat Islam di negara ini adalah berasaskan nilai Islam untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah.

"Kehidupan umat Islam akan terus sejahtera hingga ke hari kiamat jika mereka menjadikan ilmu asas kemajuan dan perkembangan kerana memiliki ilmu lebih baik daripada harta kerana ia boleh menjaga iman," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, umat Islam perlu berusaha untuk mencapai kemajuan kerana masih ada yang mahu meraih kejayaan tanpa berusaha.

"Bagi mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang ilmu, umat Islam perlu bekerjasama dengan pihak lain. Saya sendiri terpaksa merujuk kepada doktor untuk menterjemahkan al-Quran bagi mengetahui keadaan sebenar janin dalam kandungan.

"Dasar kerjasama yang diajar Islam hendaklah diikuti untuk memudahkan umat Islam menghadapi cabaran dunia yang semakin canggih," katanya.

Beliau juga kesal kerana masih ada umat Islam tidak menghayati hikmah al-Quran, sebaliknya masih berusaha untuk berpecah belah sedangkan ia dilarang keras oleh Islam.

(END)